



يونيفرسيتي سلطان زين العابدين  
**unisza**  
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

# **GARIS PANDUAN ANUGERAH KHAS KONVOKESYEN**

**UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

**PUSAT PENGURUSAN KECEMERLANGAN &  
INOVASI AKADEMIK**

Edisi 2022



## **GARIS PANDUAN ANUGERAH KHAS KONVOKESYEN UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN**

### **TUJUAN**

1. Garis Panduan ini disediakan sebagai rujukan dan panduan kepada semua pihak yang terlibat bagi menetapkan kategori Anugerah Khas sempena Konvokesyen Universiti Sultan Zainal Abidin.
2. Anugerah Khas ini diwujudkan sebagai pengiktirafan kepada pelajar yang telah menunjukkan prestasi cemerlang dalam akademik dan/atau kokurikulum dan/atau sahsiah diri.
3. Anugerah Khas ini juga menggalakkan penglibatan industri dan pihak luar yang bertindak sebagai penaja Anugerah Khas tersebut untuk terlibat sama dalam hal berkaitan akademik dan kokurikulum di universiti.

### **PANDUAN**

1. Pemberian Anugerah Khas diberikan pada setiap tahun selama sekurang-kurangnya lima (5) tahun. Sumbangan perlu dikreditkan ke akaun universiti secara sekali gus dalam masa sebulan selepas perjanjian dimeterai.
2. Jumlah hadiah wang tunai yang akan diberikan untuk Anugerah Khas tidak boleh melebihi jumlah hadiah wang tunai bagi Anugerah Pelajaran DiRaja iaitu sebanyak RM7,500.00 setahun.

3. Minimum jumlah hadiah wang tunai bagi Anugerah Khas yang akan diberikan di peringkat Pusat Tanggungjawab (PTj) Akademik/Program Akademik adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap anugerah.
4. Kertas Cadangan Anugerah Khas ini perlu dibawa untuk kelulusan Senat Universiti dengan mengemukakan maklumat berikut:
  - i. Nama Anugerah Khas
  - ii. Nama dan Maklumat Penaja/Penyumbang
  - iii. Kriteria Penganugerahan
  - iv. Nilai sumbangan
5. Nama anugerah yang dicadangkan daripada PTj Akademik perlu ditulis sebagai Anugerah Khas agar berbeza dengan nama anugerah utama yang sedia ada.
6. Penamaan Anugerah Khas tersebut adalah mengikut bidang PTj Akademik yang mencadangkan atau nama penaja/penyumbang tertakluk kepada persetujuan penaja/penyumbang anugerah.
7. Nama Anugerah Khas yang telah dipersetujui oleh penaja/penyumbang perlu mendapat kelulusan Senat Universiti.
8. Pemilihan bagi Anugerah Khas di peringkat PTj Akademik perlu dilaksanakan di PTj Akademik masing-masing sebelum dibawa untuk pengesahan Mesyuarat Pengurusan Akademik (Prasiswazah) (MPA) atau Mesyuarat Jawatankuasa Akademik Pengajian Siswazah Universiti (JAPSU) dan kelulusan Senat Universiti.
9. PTj Akademik dicadangkan untuk menubuhkan satu (1) Jawatankuasa Pemilih Anugerah Khas di peringkat PTj Akademik dengan melibatkan agensi luar/dalam yang menyumbang Anugerah Khas yang telah diterima tersebut.